

26/08/2002

Langkah tubuh syarikat urus tanah terbiar dialu-alukan

Khairul Anwar Rahmat

GENERASI kedua Felda mengalu-alukan langkah menubuhkan syarikat bagi menyatu dan menguruskan tanah terbiar di kawasan rancangan.

Cadangan berkenaan disifatkan sebagai tepat pada masanya iaitu selepas 45 tahun Felda ditubuhkan supaya tanah terbiar di kawasan itu dapat dikendalikan lebih cekap dan memberi pulangan kepada peneroka atau pemilik tanah.

Jumaat lalu, Perdana Menteri selepas merasmikan Perhimpunan dan Simposium Generasi Felda SeMalaysia, membayangkan kemungkinan sebuah syarikat ditubuhkan bagi menyatu dan menguruskan tanah terbiar di rancangan Felda.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, banyak tanah rancangan Felda kini terbiar atau dijual kepada pihak lain kerana generasi baru Felda tidak cenderung meneruskan kerja sebagai peneroka yang dulunya dilakukan ibu bapa mereka.

Perhimpunan sehari anjuran Gabungan Wawasan Generasi Felda yang dihadiri kira-kira 4,000 generasi kedua tanah rancangan membincangkan fungsi dan hala tuju mereka dari segi ekonomi, sosial, pendidikan dan latihan pada alaf baru.

Wan Salman Wan Ismail dari Felda Jengka 15, Pahang, berkata perubahan itu tidak dapat dielakkan kerana kira-kira 50,000 daripada anak Felda berjaya menjadi profesional pelbagai bidang.

Pada masa sama, katanya, seramai 10,000 lagi anak peneroka Felda sedang meneruskan pengajian tinggi awam dan swasta.

Sehubungan itu beliau yang juga seorang usahawan berkata, cadangan terperinci mengenai usaha mengatasi masalah terbiar perlu diteliti secara bijaksana supaya ia tidak menjadi masalah pada kemudian hari.

"Bagaimanapun, kebajikan berterusan peneroka perlu dipelihara dengan membenarkan mereka memegang saham dalam syarikat yang bakal ditubuhkan itu," katanya.

Pensyarah Universiti Teknologi Mara (UiTM), Amer Shakir Zainol, berkata amanat Perdana Menteri akan menjadi perangsang kepada generasi Felda supaya berusaha gigih meningkatkan kecemerlangan.

Beliau yang juga anak Felda Cini 4, Pekan, Pahang, berkata matlamat perhimpunan dan simposium adalah untuk menentukan hala tuju generasi Felda di alaf baru.

"Segala idea dan cadangan yang dikemukakan pada simposium ini bakal merubah masa depan beratus ribu masyarakat peneroka di seluruh negara," katanya.

Seorang guru, Salehudin Mat Rasad, 40, dari Felda Jengka 18, berkata generasi Felda berhijrah ke bandar berikutan kekurangan peluang pekerjaan dan ekonomi di kawasan Felda.

Katanya, penubuhan syarikat bagi menguruskan tanah terbiar bakal memberikan peluang pekerjaan kepada berpuluh ribu generasi Felda di seluruh negara.

Beliau berkata, tidak mustahil semua 304 tanah rancangan Felda di seluruh negara mungkin terbiar jika langkah segera tidak diambil untuk menguruskannya.

Noraziah Mohd Abidi, 25, dari Felda Permanis Satu, Segamat, Johor juga gembira dengan cadangan menubuhkan syarikat berkenaan.

Katanya, ia adalah langkah proaktif bagi menjaga kebajikan warga peneroka di seluruh negara.

"Kebanyakan peneroka sudah berusia dan tidak terdaya mengusahakan tanaman di ladang. Sebab itu, mereka tidak lagi menjalankan kegiatan yang akhirnya menyebabkan ia terbiar.

"Jika ada pihak tertentu yang ingin membangunkan tanah berkenaan, dapat juga ia dimanfaatkan dan memberi pulangan ekonomi.

"Bagaimanapun, saya berharap kebajikan peneroka dan pemilik asal tetap dipelihara walaupun tanah mereka diusahakan syarikat lain," katanya.

Pendapat beliau turut disokong rakannya, Noranida Simon, 29, dari Felda Palong Timur, Johor.